



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.600-8/1/8 (1)

Tarikh : 17 April 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGURUSAN LAPORAN BERHUBUNG DENGAN TATAKELAKUAN PEGAWAI AWAM YANG DIRUJUK OLEH PIHAK BERKUASA INTEGRITI

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/ Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, pengurusan laporan berhubung dengan tatakelakuan pegawai awam yang dirujuk oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedia ada diperuntukkan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 – Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-Kes Tatatertib Yang Dirujuk oleh Badan Pencegah Rasuah (SPP 5/1997). Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa

Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR), SPP 5/1997 telah dipinda bagi memantapkan proses pengurusan keutuhan dan tatatertib dalam perkhidmatan awam.

3. Penambahbaikan SPP 5/1997 dilaksanakan melalui MyPPSM Ceraian UP.7.4.3: Pengurusan Laporan Berhubung Dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti. Pihak Berkuasa Integriti (PBI) pada masa ini terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC). Ceraian berkenaan adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.


4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)